



## PENGUMUMAN: MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ ISLAM ANTARABANGSA KALI KE-13 SECARA ATAS TALIAN

Assalamualaikum WRT dan Salam Sejahtera,

Kepada para graduan IIC yang dihormati, merujuk kepada jemputan ke Majlis Konvokesyen Kolej Islam Antarabangsa (IIC) kali ke-13 secara atas talian yang telah dikeluarkan melalui surat dan WhatsApp pada 9 Ogos 2021 (Isnin), berikut merupakan penjelasan berkenaan dengan bayaran yang telah dinyatakan di dalam pengumuman tersebut:

### 1. MAJLIS KONVOKESYEN SECARA BERSEMUKA

- 1.1 Yuran Majlis Konvokesyen secara bersemuka yang telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah IIC adalah berjumlah **RM350**. Ianya meliputi **RM100 yuran graduasi dan RM250 yuran Majlis Konvokesyen**.
- 1.2 **RM100** – Yuran graduasi adalah merangkumi bayaran bagi proses;
  - i. penilaian akademik graduan,
  - ii. pengesahan kelayakan graduan oleh Ahli Lembaga Akademik, dan
  - iii. pengeluaran sijil akademik

Untuk makluman para graduan, **kertas sijil akademik IIC mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi** untuk mengelakkan daripada isu pemalsuan sijil akademik.

- 1.3 **RM250** – Yuran Majlis Konvokesyen adalah merangkumi bayaran;
  - i. Jubah akademik,
  - ii. Gambar graduasi,
  - iii. Buku graduasi,
  - iv. Folder sijil akademik dan lain-lain kos yang terlibat.

### 2. MAJLIS KONVOKESYEN SECARA DALAM TALIAN (VIRTUAL)

- 2.1 Yuran Majlis Konvokesyen secara atas talian (Virtual) adalah **RM150** yang meliputi **RM100 yuran graduasi dan RM50 yuran Majlis Konvokesyen**.
- 2.2 **RM100** – Yuran graduasi adalah seperti yang dinyatakan pada para 1.2.



- 2.3 **RM50** – Yuran Majlis Konvokesyen adalah merangkumi bayaran;
- i. Paparan gambar graduan secara eksklusif semasa *live streaming* Majlis Konvokesyen,
  - ii. Sesi rakaman gambar kenangan graduasi secara eksklusif dengan memakai jubah akademik di mini studio yang disediakan,
  - iii. Eksklusif pautan video majlis Konvokesyen yang boleh dimuat turun, adan
  - iv. Eksklusif e-sijil kerana menghadiri majlis Konvokesyen atas talian yang julung kali diadakan.
3. Kepada para graduan yang tidak dapat menyertai Majlis Konvokesyen, anda hanya perlu membayar **RM100** yuran graduasi seperti yang dinyatakan di para 1.2.
4. Bayaran yuran seperti para 1 dan 2 adalah tidak termasuk kos penghantaran sijil akademik.
5. Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, para graduan boleh mengikuti saluran telegram Majlis Konvokesyen di <https://t.me/iicconvocation13th> .

Dikeluarkan Oleh,

**Pejabat Pembangunan Perniagaan & Komunikasi Korporat**

9 Ogos 2021